



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

AHAD, 5 NOVEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

5/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	KEUPAYAAN SESEORANG PEMIMPIN DINILAI DARI KEJAYAAN BENTUK INSTITUSI KELUARGA - PM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/keupayaan-seseorang-pemimpin-dinilai-dari-kejayaan-bentuk-institusi-keluarga-pm-444662	ASTROAWANI.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1173074/negara-jadi-hebat-melalui-penerapan-nilai-murni-dari-institusi	BHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/keluarga-pupuk-nilai-murni-jadikan-malaysia-hebat/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1026894/negara-jadi-hebat-melalui-penerapan-nilai-murni-dari-institusi-keluarga-pm	HMETRO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/11/04/pm-rasmi-sambutan-november-bulan-keluarga-kebangsaan-2023/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://berita.rtm.gov.my/semasa/senarai-berita-semasa/senarai-artikel/nilai-murni-perlu-dipupuk-menerusi-institusi-keluarga-pm	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=h2fdZQMs24k	YOUTUBE
	https://themalaysianreserve.com/2023/11/04/instilling-noble-values-through-family-institution-can-make-country-great-pm-anwar/	THEMALAYSIANRESERVE.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/632950/berita/nasional/negara-jadi-hebat-melalui-penerapan-nilai-murni-institusi-keluarga---pm	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=6kEMkjtLTEE	YOUTUBE
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/terkini-majlis-perasmian-sambutan-keluarga-harmoni-negara-madani-x8pc7n2	ASTROAWANI.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/04/pupuk-nilai-murni-dalam-keluarga-jadikan-malaysia-negara-hebat-anwar/	KOSMO.COM.MY
	https://www.wilayahku.com.my/keluarga-asas-pembentuk-negara-madani/	WILAYAHKU.COM.MY
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/11/04/pm-anwar-national-family-month-promotes-building-harmonious-society-through-family-well-being/100193	MALAYMAIL.COM
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2241477	BERNAMA.COM
	https://www.nst.com.my/news/nation/2023/11/974736/uphold-strong-moral-and-humanitarian-values-family-institution-reject	NST.COM.MY
	https://www.thevibes.com/articles/news/99803/instilling-noble-values-through-family-institution-can-make-country-great-anwar	THEVIBES.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

5/11/2023

<https://harapanmadani.com/pupuk-nilai-murni-dalam-keluarga-agar-jadikan-malaysia-negara-hebat-pm-anwar/>

HARAPANMADANI.COM

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/04/negara-jadi-hebat-melalui-penerapan-nilai-murni-dari-institusi-keluarga-pm-anwar>

UTUSANBORNEO.COM.MY

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/04/pm-hold-fast-to-family-values-to-keep-nation-strong>

THESTAR.COM.MY

<https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/470209>

THEMALAYSIANINSIGHT.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	KESEDARAN WANITA LAKUKAN SARINGAN KANSER AMAT TINGGI DI SABAH	
	https://sabahmedia.com/2023/11/04/kesedaran-wanita-lakukan-saringan-kanser-amat-tinggi-di-sabah/	SABAHMEDIA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
3	'SEMOGA ADA KEAJAIBAN BUAT NOAH'	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1026901/semoga-ada-keajaiban-buat-noah	HMETRO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/11/04/tolong-doakan-noah-moga-ada-keajaiban-bapa/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/04/bayi-12-bulan-koma-bapa-mohon-doa-orang-ramai/	KOSMO.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/saya-tidak-henti-berdoa-supaya-noah-segera-pulih-bapa/	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	PERSEDIAAN MUSIM TENGGUJUH, MBI SIMPAN STOK KEPERLUAN ASAS	
	https://selangorkini.my/2023/11/persediaan-musim-tengkujuh-mbi-simpan-stok-keperluan-asas/	SELANGORKINI.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

5/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	WANITA PERLU BIJAK KAWAL MENTAL DAN EMOSI	
	https://malaysiagazette.com/2023/11/04/wanita-perlu-bijak-kawal-mental-dan-emosi/	MALYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	4 NOV 2023 – SPM - WANITA ERA BAHARU : IKON IBU PERTIWI	
	https://www.youtube.com/watch?v=tW7INcFl_9I	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
7	DUA WANITA DITAHAN TIPU URUS BELI TANAH, PINJAMAN WANG TIDAK WUJUD	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1026867/dua-wanita-ditahan-tipu-urus-beli-tanah-pinjaman-wang-tidak-wujud	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	PENDIDIKAN KESIHATAN PERLU BERMULA SEJAK KANAK-KANAK – DR ZALIHA	
	https://malaysiagazette.com/2023/11/04/pendidikan-kesihatan-perlu-bermula-sejak-kanak-kanak-dr-zaliha/	MALYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
9	PERANCANGAN PROJEK PBT PERLU BABITKAN KANAK-KANAK, REMAJA	
	https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2023/11/1172987/perancangan-projek-pbt-perlu-babitkan-kanak-kanak-remaja	BHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

5/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
10	TRANSFORMASI TABIKA KEMAS BIMBING AKIDAH KANAK-KANAK DI PERINGKAT AWAL - AHMAD ZAHID	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/transformasi-tabika-kemas-bimbing-akidah-kanakkanak-di-peringkat-awal-ahmad-zahid-444628	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
11	ANAK TRAUMA DICABUL JURULATIH TAEKWANDO	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1026939/anak-trauma-dicabul-jurulatih-taekwando	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	MELAKA LAKSANA PROGRAM KHAS BANTU MUDAHKAN OKU DAPAT LESEN MEMANDU	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2241598	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
13	KES BULI DI SEKOLAH ASRAMA BERTARAF ELIT, POLIS BUKA KERTAS SIASATAN	
	https://www.buletintv3.my/nasional/kes-buli-di-sekolah-asrama-bertaraf-elit-polis-buka-kertas-siasatan/	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	TAKLIMAT PROGRAM BANTUAN KERAJAAN AKAN DIPERLUASKAN DI MIRI: CHIEW	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/04/taklimat-program-bantuan-kerajaan-akan-diperluaskan-di-miri-chiew	UTUSANBORNEO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM




MALAYSIA
MADANI

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

5/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
15	KELUARGA PEMANGKIN KEJAYAAN GRADUAN - NAIB CANSELOR KLMUC	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2241585	BERNAMA.COM



TAJUK : 'DOA SEMOGA ADA KEAJAIBAN BUAT NOAH'

HARI : AHAD

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

TARIKH : 05 NOV 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

'Doa semoga ada keajaiban buat Noah'

Bayi lelaki 12 bulan tidak sedarkan diri ketika di taska

Oleh Nuraliawati Sabri
bhnews@bh.com.my

Melaka: "Doakan agar anak saya kembali sihat dan semoga ada keajaiban buat Noah," kata Muhammad Azizan Mohd Sahat, 31, bapa bayi lelaki 12 bulan yang tiba-tiba tidak sedarkan diri ketika berada di sebuah pusat asuhan kanak-kanak di Pertam Jaya, pada Selasa lalu.

Bapa kepada dua anak itu berkata, harapan dia dan isteri, Nurul Fatimah

Mohd Fauzi, 30, kini adalah supaya anak bongsunya segera sedar selepas tidak sedarkan diri sejak lima hari lalu.

"Kejadian ini amat mengejutkan kami sekeluarga kerana ia berlaku secara tiba-tiba, meskipun sedih dengan apa yang berlaku, namun saya serta tidak berhenti berharap agar anak kembali sembuh.

"Sebagai bapa sudah pasti saya sedih memikirkan keadaan anak, setiap hari saya tidak henti berdoa supaya Noah segera pulih. Jadi saya minta agar semua dapat bantu saya untuk sama-sama doakan Noah," katanya.

Jalani pembedahan

Muhammad Noah kini dirawat di Unit Rawatan Rapi Kanak-Kanak

(PICU) Hospital Melaka selepas menjalani pembedahan.


Media sebelum ini melaporkan, bayi lelaki itu mengalami pendarahan di kepala selepas tidak sedarkan diri ketika dalam jagaan di sebuah taska di Pertam Jaya, Semabok, di sini.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit, dilaporkan berkata pihaknya menerima maklumat mengenai kejadian susulan laporan polis dibuat bapa bayi pada jam 12.30 tengah hari.

Beliau berkata, pada jam 9.30 pagi hari sama, bapa bayi dihubungi menerusi mesej pesanan suara oleh pemilik taska memaklumkan mata anaknya tiba-tiba naik ke atas ketika mandi dan dipakaikan baju.



Muhammad Noah (bersama kakaknya) kini dirawat di PICU Hospital Melaka selepas menjalani pembedahan.



TAJUK : **IMAM MAUT, 10 ANAK YATIM CEDERA NAHAS**

HARI : **AHAD**

AKHBAR : **BERITA HARIAN AHAD**

TARIKH : **05 NOV 2023**

M/SURAT : **19**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**



Kemalangan membabitkan kereta dan van berhampiran FELDA Sungai Sayong, petang kelmarin. (Foto ihsan JBPM JOHOR)

Imam maut, 10 anak yatim cedera nahas

Kota Tinggi: Seorang lelaki maut, manakala 12 cedera dalam kemalangan membabitkan kereta dengan van membawa 10 kanak-kanak dari Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Bandar Tenggara (PEYARA) berhampiran FELDA Sungai Sayong, Jalan Kluang-Bandar Tenggara di sini, petang kelmarin.

Komander Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bandar Tenggara, Pegawai Bomba Kanan II, Awang Ismail Awang Hanafli, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada jam 7.37 malam.

Beliau berkata, tujuh anggota bomba dibantu sebuah jentera dikejarkan ke tempat kejadian.

"Kemalangan membabitkan sebuah kereta Nissan Sentra dan sebuah van Kia Pregio yang

membawa 10 anak yatim dari PEYARA.

"Pemandu kereta tersepit dalam kenderaan, manakala pemandu van berusia 41 tahun dan 10 anak yatim berusia antara sembilan hingga 15 tahun dilaporkan cedera ringan.

"Pemandu kereta berkenaan, Aminudin Sanusi, 54, berjaya dikeluarkan dengan menggunakan peralatan khas sebelum disahkan sudah meninggal dunia di tempat kejadian oleh pegawai perubatan yang hadir," katanya dalam kenyataan malam kelmarin.

Difahamkan mangsa yang maut, Aminudin bertugas sebagai seorang imam.

Beliau berkata, semua mangsa di dalam van dihantar ke Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim (HTSMTI), Kulai untuk rawatan lanjut.



TAJUK : USAHA BINA NEGARA USAH ABAI NILAI MURNI, KEMANUSIAAN

HARI : AHAD

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

TARIKH : 05 NOV 2023

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Usaha bina negara usah abai nilai murni, kemanusiaan

Negara jadi hebat dari institusi keluarga tekankan erti kasih sayang, rahmah dalam kehidupan

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan penerapan nilai murni, akhlak dan kemanusiaan tidak boleh diabaikan dalam usaha membina negara.

Tanpa nilai berkenaan, kata Perdana Menteri, amalan kemungkaran, rasuah dan penyelewengan akan berleluasa.

"Kadang-kadang dalam membina negara, nilai ini tidak sangat ditekankan, sebaliknya yang sering ditekankan ialah soal pembangunan, ekonomi dan pekerjaan. Itu petanda keruntuhan atau bibit permulaan keruntuhan sesebuah negara," katanya.

Berucap melancarkan Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan (BKK) 2023, di sini semalam, beliau berkata, penerapan nilai murni menjadi asas kepada pembentukan masyarakat dan negara MADANI.

Memetik ahli falsafah, Abdul Rahman Ibnu Khaldun mengenai kecintaan generasi awal kepada negara. Anwar menegaskan, sesebuah negara akan menjadi hebat sekiranya nilai murni dipupuk bermula daripada institusi keluarga.



Anwar meluangkan masa menyaksikan aktiviti yang diadakan sempena majlis perasmian sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2023 di Dataran Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

"Negara MADANI boleh dipupuk dan diangkat bermula dari institusi keluarga," katanya sambil menambah sesebuah negara boleh diangkat sekiranya diurus lebih cekap dengan memupuk nilai kekeluargaan yang menolak kemungkaran, rasuah dan penyelewengan.

"Apa bezanya MADANI dengan konsep lain? MADANI itu menekankan soal nilai, akhlak, kemanusiaan dan kadang-kadang dalam membina negara tidak ditekankan. Ditekankan soal pembangunan, ekonomi, pekerjaan.

"Semua itu penting, tetapi negara itu akan jadi hebat dan tamadun terangkat sekiranya dipupuk nilai itu. Bila kita sebut nilai keyakinan, akhlak, ihsan dan kemanusiaan, itu semua dipupuk daripada latihan dan keluarga," katanya.

Kepada pemimpin, Anwar berpesan, keupayaan mereka dinilai

daripada kejayaan membentuk institusi keluarga yang harmoni.

Nilai keupayaan

"Orang menilai keupayaan ketua masyarakat, baik penghulu atau ketua kampung, apa lagi menteri. Dinilai juga dari sudut keupayaan mengawal, mendidik, mengasuh dan mengasahi keluarga.

"Sebagai contoh, kalau keluarganya porak peranda, sukar nak dibentuk masyarakat. Kalau keluarganya porak peranda, sukar diatur negara kerana orang melihat keupayaan itu," katanya.

Anwar berkata, penerapan nilai itu yang bermula dari institusi keluarga, menjadikan masyarakat Malaysia terlatih untuk berkasih sayang dan bersifat rahmah.

"Dunia sekarang seperti mana dipaparkan saban hari tentang kekejaman dan keganasan di Gaza, membuatkan kita tersentuh hati nurani. Sebab kita dilatih

untuk kenal apa itu ihsan, kasih sayang, rahmah dan erti kemanusiaan," katanya.

Anwar turut menyatakan penghargaan terhadap komitmen Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri yang memperjuangkan kedudukan wanita serta kanak-kanak di negara ini.

"Kalau ini contoh yang ditunjukkan Nancy, saya percaya semangat keluarga harmoni dapat dipupuk kerana pimpinan dalam KPWKM ada komitmen dan dedikasi yang sangat tinggi, hebat serta luar biasa," katanya.

Sementara itu, Nancy berkata, Anugerah Khas Kasih MADANI diperkenalkan sempena sambutan BKK2023 sebagai pengiktirafan kepada majikan yang melaksanakan amalan dan dasar mesra keluarga di agensi atau syarikat masing-masing.



TAJUK : 'PENGORBANAN INI KECIL BERBANDING SAKITNYA DIA'

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 05 NOV 2023

M/SURAT : 02&03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

'PENGORBANAN INI KECIL BERBANDING SAKITNYA DIA'

Tarmizi sanggup korban kerjaya tetap demi menjaga keperluan isteri hidap penyakit SMA

Oleh Nor 'Asyikin
Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

Rawang

Betapa tulus dan agungnya cinta apabila masih ada suami atau isteri sanggup mengorbankan usia sepanjang hayat semata-mata mahu menjaga pasangan yang terlanjut sakit.

Walaupun dihimpit kemiskinan, derita fizikal dan faktor umur, namun pasangan dari 'syurga' ini tetap setia menemani pasangan masing-masing tanpa sekelumit rasa lelah.

Kehebatan cinta tulus ini dibuktikan beberapa individu yang memilih untuk menjaga pasangan dalam kalangan orang kurang upaya (OKU) selain menghidap penyakit Atrofi Otot Spina (SMA).

Seorang lelaki hebat, Tarmizi Abu Bakar, 42, sanggup mengorbankan kerjaya sepenuh masa sebagai penghantar surat sejak enam tahun lalu demi memberi tumpuan menjaga isterinya, Nurhayati Zamharir, 43, yang mengalami penyakit SMA.

Menurutnya, pengorbanan yang dilakukan itu sebagai membalas kembali jasa dan pengorbanan isterinya yang sanggup me-

nempuh fasa sukar sepanjang tempoh dua kehamilan serta selepas bersalin.

"Pengorbanan saya lakukan ini tidaklah seberapa jika dibandingkan dengan pengorbanan besar isteri. Dalam kepayahan isteri sebagai pesakit SMA, dia (isteri) sanggup menanggung kepayahan dan kesakitan berganda demi hamil serta melahirkan zuriat kami.

"Setiap kali hamil, penyakit isteri menjadi lebih teruk hingga dia tidak boleh mengangkat tangan selain hanya terbaring di atas katil.

"Seteguh mana hati lelaki ini, saya tidak dapat menahan sebak setiap kali mengenangkan kembali pengorbanan isteri.

"Selepas anak pertama sudah mula bersekolah tadika dan anak kedua semakin membesar, saya kembali bekerja sebagai penghantar surat sepenuh masa,"

katanya. Menurut-nya, dia memilih pekerjaan itu beriku-

tan waktu bekerja yang fleksibel dan boleh pulang ke rumah untuk menguruskan isteri pada bila-bila masa.

Tarmizi berkata, keadaan penyakit itu memerlukan isterinya dibantu sepenuhnya untuk menguruskan diri.

"Pernah beberapa kali isteri terjatuh di tandas dan kejadian itu berlaku semasa saya keluar bekerja.

"Sepanjang tempoh enam tahun tidak bekerja, saya menggunakan wang simpanan, melakukan kerja sampingan dan bantuan keluarga serta rakan-rakan untuk kelangsungan hidup,"

katanya. Berikongsi detik perkenalan dengan isterinya, Tarmizi berkata, mereka berkenalan di media sosial pada 2011 dan mendirikan rumah tangga pada 2013 sebelum dikurniakan cahaya mata.

Muhammad Nur Amin, tujuh tahun dan Muhammad Nur Iman, sembilan tahun.

Katanya, peringkat awal perkenalan, dia tidak mengetahui isterinya adalah OKU.

Apabila isteri berterus terang me-

"Dia tanggung kepayahan dan kesakitan berganda demi hamil serta melahirkan zuriat"
Tarmizi



NURHAVATI menggunakan kerusi roda kerana menghidap penyakit SMA.

ngenai keadaan dirinya, dia tetap dengan pendirian untuk terus berkawan dan mendirikan rumah tangga.

"Pada pendapat saya, tiada perbezaan di antara wanita normal atau OKU kerana perkenalan kami adalah takdir yang tertulis.

"Selepas dua tahun berkawan, saya mengambil keputusan mendirikan rumah tangga. Tidak dinafikan pada mulanya ibu agak berat untuk terima keputusan saya.

"Selepas mem-

berikan penjelasan, Alhamdulillah ibu akhirnya bersetuju dan kami mendirikan rumah tangga,"

katanya. Tarmizi berkata, setiap cabaran dihadapi diharungi bersama sekaligus mengeratkan hubungan dan mengukuhkan lagi perkahwinan mereka.

Sementara itu, Nurhayati berkata, dia bersyukur dua anaknya itu tidak mewarisi penyakit berkenaan.

"Pernah ketika hamil, dia mengalami serangan sakit tengkuk yang teruk hingga menyebabkan tidak boleh menoleh. Kekuatan badan pula mengambil masa untuk pulih selepas hamil dan bersalin,"

katanya.



NURHAVATI (dua dari kiri) bersama Tarmizi dan dua anak mereka.





TAJUK : 'SEMOGA ADA KEAJAIBAN BUAT NOAH'

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 05 NOV 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

'Semoga ada keajaiban buat Noah'

Melaka: "Doakan supaya anak saya kembali sihat dan semoga ada keajaiban buat Noah," kata Muhammad Azizan Mohd Sahat, 31, bapa kepada bayi lelaki berusia 12 bulan yang tiba-tiba tidak sedarkan diri ketika berada di sebuah taman asuhan kanak-kanak (taska) di Pertam Jaya, pada Selasa lalu.

Bapa dua anak itu berkata, harapan dia dan isteri, Nurul Fatimah Mohd Fauzi, 30, kini adalah supaya anak bongsunya segera sedar selepas tidak sedarkan diri sejak lima hari lalu.

"Kejadian ini amat mengejutkan kami sekeluarga kerana ia berlaku secara tiba-tiba, meskipun sedih dengan apa yang berlaku, namun saya serta tidak berhenti berharap anak kembali sembuh.

"Sebagai bapa sudah pasti saya sedih memikirkan keadaan anak, setiap hari saya tidak henti berdoa supaya Noah segera pulih. Jadi, saya minta supaya semua dapat bantu saya untuk sama-sama doakan Noah," katanya.

Muhammad Noah kini dirawat di Unit Rawatan Rapi Kanak-Kanak (PICU) Hospital Melaka selepas menjalani pembedahan.



MUHAMMAD Noah (kiri) kini dirawat di PICU Hospital Melaka selepas tidak sedarkan diri di taska.

Media sebelum ini melaporkan, bayi lelaki itu mengalami pendarahan di kepala selepas tidak sedarkan diri ketika dalam jagaan di sebuah taska di Pertam Jaya, Semabok, di sini.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah Asisten Komisioner Christopher Patit dilaporkan berkata, pihaknya menerima maklumat mengenai kejadian susulan laporan polis dibuat oleh bapa bayi pada 12.30 tengah

hari.

Beliau berkata, dalam kejadian itu, bapa bayi dihubungi menerusi mesej pesanan suara oleh pemilik taska memaklumkan mata anaknya tiba-tiba naik ke atas ketika sedang mandi dan dipakaikan baju.

Susulan siasatan dijalankan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Melaka mendapati taska yang menjaga bayi lelaki berkenaan tidak berdaftar.



TAJUK : DEMI CINTA TERAGUNG

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 05 NOV 2023

M/SURAT : 01&02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



KEKAL SETIA WALAU DIUJI DEMI CINTA TERAGUNG

Biar pun berhadapan ujian berat dan dihimpit kemiskinan, ikatan kasih sayang menjadi pengual semangat beberapa pasangan suami isteri terus kekal setia menguruskan teman hidup mereka yang terlanjur kerana hilang upaya dan menderita sakit kronik. Bagi mereka ia perjalanan cinta agung yang perlu mereka lalui bersama hingga ke akhir hayat walaupun dugaan dilalui amat berat dari segi fizikal dan mental. **laporan Metro** **Asyikin Moh Hayati**



NUR AZYAN mengangkat suaminya yang menghidap penyakit SMA ke kereta.

'Tugas angkat suami jadi perkara paling bahagia'

Ampang: "Saya tidak kisah menjadi tukang angkat suami sepanjang hayat kerana kasih yang tulus ini menjadikan tugas menjaganya adalah perkara paling membahagakan," ujar Nur Azyan Azizan, 31.

Nur Azyan mendirikan rumah tangga dengan suaminya, Meor Ahmad Amiruddin Abdullah, 38, yang mengidap pesakit Atrofi Otot Spina (SMA) sejak 2019.

Penyakit itu menyebabkan suaminya perlu bergantung dengan bantuan kerusi roda untuk bergerak.

SMA adalah penyakit genetik yang menjadikan otot lemah secara progresif dan pesakit perlu dibantu sepenuhnya dalam pengurusan diri.

Nur Azyan berkata, dia mengenali suaminya pada 2017 sebagai pesakit SMA tetapi kekurangan itu tidak pernah mengugat pendiriannya untuk menjadikan lelaki itu sebagai suaminya.

Menurutnya, sikap suami yang tidak merendah diri dan tidak berasa kekurangan dengan kecacatan dialaminya, membuatkan dia berasa selesa berikawan seterusnya mendirikan rumah tangga.

"Kehilangan otot pada keseluruhan tubuh suami memerlukan dia dibantu sepenuhnya dalam pengurusan diri. Suami juga perlu diangkat setiap kali mahu menggunakan kerusi roda atau memandu kereta.



TIDAK pernah berasa lelah penuhi keperluan suami.

"Memang mencabar kudrat sebagai wanita agak terhad, namun Allah SWT permudahkan semua urusan," katanya.

Katanya, dia sudah lali menjadi tumpuan umum apabila berada di tempat terbuka bersama suaminya yang berkerusi roda.

"Suami pula sangat positif dan terbuka dengan perkara ini. Dia sering mengatakan kami adalah pasangan unik. Ungkapan itu selegit melegitkan hati saya."

"Sebelum berkahwin, suami lebih banyak menghabiskan masa di rumah. Namun selepas kami mendirikan rumah tangga, saya ingin membawanya melancong ke banyak tempat menarik di tanah air," katanya.

Sementara itu, Meor Ahmad Amiruddin berkata, dia terharu apabila isteri sudah memihnya sebagai

suami tanpa melihat kekurangan dirinya sebagai orang kurang upaya (OKU).
Katanya, gerak hatinya merasa Nur Azyan sebagai calon isteri terbaik dan firasatnya itu adalah tepat.

"Isteri tidak pernah mengeluh kepenatan sepanjang menguruskan dan mengangkat saya setiap hari."

"Saya mengidap penyakit ini pada usia 14 tahun dan melalui tempoh sukar iaitu mengalami kemurungan selama setahun."
"Ini kerana saya 'berpelempang' dengan diri sendiri yang ketika itu sukar menerima hakikat mengidap penyakit ini. Semasa sihat, saya boleh melakukan semua perkara disukai termasuk bermain bola sepak," katanya.

Meor Ahmad Amiruddin yang bekerja sebagai pereka grafik berkata, dia berjaya bangkit daripada masalah kemurungan itu setelah mengikuti latihan di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan OKU (PLPP) Bangli, Selangor.

"Kehilangan otot keseluruhan tubuh memerlukan dia dibantu sepenuhnya"
Nur Azyan



TAJUK : ISTERI GALAS TUGAS JADI KETUA KELUARGA

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 05 NOV 2023

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Isteri galas tugas jadi ketua keluarga

Kota Bharu: Seorang wanita menahirkan rasa terharu dengan pengorbanan dua kakak iparnya apabila sanggup menjaga suaminya yang terlantar dalam keadaan separuh koma akibat penyakit darah tinggi kronik ketika dia keluar mencari rezeki.

Zuriaty Mohd Zin, 32, berkata, suaminya, Mohd Zainuddin Hussin, 39, terlantar sejak Januari lalu kini dijaga oleh kakak iparnya yang juga pasangan kembar, Normah Hussin dan Azmah di rumah mereka di Kampung Beta Hilir, di sini.

Menurutnya, dia hanya berpeluang menziarahi suaminya dengan berulang-alik sejauh 20 kilometer dari rumahnya Kampung Gertok Serong, Pasir Mas ke Kampung Beta Hilir setiap kali waktu cuti.

Katanya, ketika itu dia akan menggunakan sepenuhnya masa untuk menguruskan segala keperluan suaminya yang berada dalam keadaan separuh koma sejak 10 bulan lalu.

"Saya tiada pilihan dan mujurlah ada dua kakak ipar yang ikhlas menjaga suami kerana saya perlu bekerja serta menggalas tanggungjawab sebagai ketua keluarga disebabkan perlu menanggung dua anak berusia tujuh bulan dan empat tahun.



ZURIATY dan anak melihat keadaan Zainuddin yang berada dalam keadaan separuh koma di Kampung Gertok Serong, Pasir Mas.

"Bagi meneruskan kelangsungan hidup, saya bekerja sebagai juruwang di sebuah kedai di Pasir Mas dengan pendapatan RM1,500 sebulan.

"Meskipun suami mendapat pencen ilat, namun saya tetap perlu bekerja dan tidak boleh terlalu mengharapkan wang bantuan kerana dua anak yang semakin membesar," katanya ketika ditemui di rumah kakak iparnya di Kampung Beta Hilir, di sini.

Menceritakan kembali keadaan suaminya, Zuriaty berkata, suaminya mengadu sakit di bahagian leher selepas mereka sekeluarga pulang daripada menyambut ulang tahun kelahiran anak sulung Muhammad Zikri Naufal, 4, pada 10 Januari lalu.

Menurutnya, secara tiba-tiba suaminya mengalami kekejangan sebelum diserang sawan serta tidak sedarkan diri dan dibawa ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII) untuk mendapatkan rawatan lanjut.

"Melalui ujian imbasan tomografi berkomputer (CT Scan), doktor mendapati ada darah beku di dalam kepala suami dan pada ketika itu juga perlu segera dipindahkan ke Hospital Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian.

"Bagi mengelak keadaan lebih serius, kami sekeluarga berbincang supaya suami menjalani pembedahan membuang darah beku untuk menyelamatkan nyawanya dan sebahagian tempurung kepala sebelah ka-

nan turut dibuang.


"Sejak itu, suami berada dalam keadaan separuh koma dan selang dua minggu selepas itu, leher pula terpaksa ditebuk untuk saluran pernafasan," katanya.

Katanya, hampir tiga bulan suaminya dirawat di Hospital USM dan dalam tempoh itu ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) selama 30 hari sebelum dipindahkan ke wad biasa dan dibenarkan pulang ke rumah.

"Lebih menyedihkan ketika itu, saya sedang mengandung anak kedua dan usia kandungan sudah mencecah tujuh bulan, malah anak bongsu, Nurul Zafyra Nawra yang kini berusia tujuh bulan belum pernah merasai belaian kasih sayang daripada seorang ayah," katanya.

Katanya, dia bersyukur kerana keperluan suami seperti susu dan lampin pakai buang ditanggung oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) selain menerima bantuan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik), namun tidak mencukupi.

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh menyalurkannya ke akaun Ambank bernombor 8881029489168 atas nama Zuriaty Mohd Zin.



TAJUK :	POLIS SAHKAN KES BULI DI SEKOLAH BERASRAMA		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	METRO AHAD
TARIKH :	05 NOV 2023	M/SURAT :	13
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Kuala Kangsar: Polis mengesahkan berlaku kes buli membabitkan pelajar tingkatan 4 dan 5 di sebuah sekolah berasrama di sini.

Difahamkan, ia membabitkan tiga pelajar tingkatan 4 dan empat suspek pelajar tingkatan 5 sekolah bertaraf elit berkenaan.

Ketua Polis Daerah Kuala Kangsar, Asisten Komisyoner Omar Bakhtiar Yaacob, berkata pihaknya mengesan tular di media sosial Instagram berhubung kes buli di sebuah sekolah berasrama dalam daerah ini.

Katanya, dalam kejadian itu mangsa tingkatan 4 dikatakan dipukul hingga menyebabkan kecederaan

Polis sahkan kes buli di sekolah berasrama

oleh pelajar tingkatan 5.

Menurutnya, mangsa dibawa ke Hospital Kuala Kangsar oleh pihak sekolah untuk mendapatkan rawatan lanjut.

“Doktor yang merawat mangsa mengesahkan, hasil pemeriksaan mendapati “Normal Physical Finding”, justeru mangsa tidak mengalami sebarang kecederaan parah,” katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksan iaitu de-

ngan sengaja menyebabkan kecederaan.

“Jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan penjara selama tempoh yang boleh sampai setahun, atau dengan denda yang boleh sampai RM2,000, atau dengan kedua-duanya,” katanya.

Katanya, kertas siasatan kes itu sudah dirujuk kepada Bahagian D5 Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak pada 20 Oktober 2023 untuk pandangan dan nasihat.



TAJUK : RAHMAH DARI KELUARGA

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 05 NOV 2023

M/SURAT : 16

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

NILAI MURNI ASAS NEGARA MADANI

RAHMAH DARI KELUARGA

Bernama

Putrajaya

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sesebuah negara akan menjadi hebat melalui penerapan nilai murni yang dipupuk bermula dari institusi keluarga.

Ketika melancarkan Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan (BKK) 2023 di sini, semalam, Anwar berkata, penerapan nilai murni, menjadi asas kepada pembentukan masyarakat dan negara Madani.

"Negara Madani boleh dipupuk dan diangkat bermula dari institusi keluarga," katanya.

Anwar berkata, penerapan itu yang bermula dari institusi keluarga, menjadikan masyarakat Malaysia terlatih untuk berkasih sayang dan bersifat rahmah.

"Dunia sekarang seperti mana dipaparkan saban hari mengenai kekejaman dan keganasan di Gaza membuatkan kita tersentuh hati nurani, sebab kita dilatih untuk kenal apa itu ihsan, kasih sayang, rahmah dan erti kemanusiaan," katanya.

Anwar berkata, penerapan nilai, akhlak dan kemanusiaan tidak boleh diabaikan, dalam usaha membina negara kerana tanpanya amalan kemungkaran, rasuah dan penyelewengan akan berleluasa.

"Kadang-kadang dalam membina negara nilai-nilai ini tidak sangat ditekankan, sebaliknya yang sering



ANWAR beramah mesra dengan orang ramai pada Perasmian Sambutan BKK 2023 di Dataran Putrajaya, semalam.

ditekankan ialah soal pembangunan, ekonomi dan pekerjaan. Itu petanda keruntuhan atau bibit-bibit permulaan keruntuhan sesebuah negara," katanya.

Anwar berkata, kejayaan pembinaan institusi keluarga turut menjadi penanda aras penilaian terhadap keupayaan kepimpinan seseorang pemimpin.

"Menteri juga dinilai dari sudut keupayaan, mengawal, mendidik, mengasuh dan mengasihi keluarga. Kalau keluarganya porak-peranda maka sukar untuk membentuk masyarakat," katanya.

Dalam pada itu, Anwar menyatakan penghargaan terhadap komitmen Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri yang memperjuangkan kedudukan wanita serta kanak-kanak di negara ini.

"Menteri juga dinilai dari sudut keupayaan, mengawal, mendidik, mengasuh dan mengasihi keluarga. Kalau keluarganya porak-peranda maka sukar untuk membentuk masyarakat"

Sementara itu, Nancy berkata, Anugerah Khas Kasih Madani diperkenalkan sempena sambutan BKK 2023 itu sebagai pengiktirafan kepada majikan yang melaksanakan amalan dan polisi mesra keluarga di agensi atau syarikat masing-masing.

Sambutan BKK 2023 yang bertemakan Keluarga Harmoni, Negara Madani anjuran KPWKM, adalah platform bagi menghargai kepentingan institusi keluarga sebagai asas cerminan kepada masyarakat yang stabil dan sejahtera.



TAJUK : SEORANG MAUT, 12 CEDERA VAN ANAK YATIM NAHAS

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 05 NOV 2023

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Seorang maut, 12 cedera van anak yatim nahas

Kota Tinggi: Seorang lelaki maut manakala 12 yang lain cedera dalam kemalangan membabitkan sebuah kereta dan van yang membawa anak yatim di Kilometer 9.5 Jalan Sungai Sayong-Tenggara di sini, petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kota Tinggi Supt Hussin Zamora berkata, pemandu kereta Nissan Sentra Aminuddin Sanusi, 54, meninggal dunia di lokasi kejadian dipercayai akibat tersepit di tempat duduk penumpang hadapan.

Beliau berkata, kemalangan dipercayai berlaku apabila Aminuddin dalam perjalanan dari Jalan Bandar Tenggara menuju Kota Tinggi cuba memotong sebelum memasuki laluan bertentangan lalu melanggar van itu.

“Pemandu dan semua 11 penumpang terdiri dari Pertubuhan Rumah Anak Yatim Bandar Tenggara yang cedera itu dirujuk ke Hospital Kulai untuk rawatan lanjut,” katanya dalam satu kenyataan semalam.



TAJUK : SYUKUR 'SYURGA' DEPAN MATA: NORHASPIDA

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 05 NOV 2023

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Syukur 'syurga' depan mata: Norhaspida

Kuala Lumpur: Walaupun diuji dengan masalah kesihatan suami sejak 11 tahun lalu, namun wanita ini tetap teguh untuk mengabdikan seluruh kehidupan bersama 'syurganya' hingga hujung nyawa.

Norhaspida Yatim, 37, berkata, dia mahu bersama suaminya, Azlan Bahrum, 39, pada saat susah dan senang sebagai lambang kasih sayang sejak mendirikan rumah tangga pada 2012.

"Saya akui ujian ini berat dan sudah berdamai dengan takdir apabila doktor menjelaskan tiada jaminan suami pulih sepenuhnya. Suami perlu bergantung ubat sepanjang hayat.

"Suami menghidap penyakit gout yang serius sejak usianya 19 tahun. Namun keadaannya semakin teruk dan kronik sejak 2014 iaitu selepas ibu jari kaki kanannya dipotong akibat jangkitan kuman kerana cedera semasa bekerja.

"Sebelum ini suami bertugas sebagai jurugambar di sebuah syarikat media yang menutup operasi pada



NORHASPIDA (kanan) bersama Azlan dan anak mereka.

2019. Sejak itu kesihatannya semakin merudum," katanya.

Ibu kepada tiga cahaya mata berusia antara tujuh hingga 10 tahun berkata, sudah empat tahun suami tidak bekerja dan hampir empat bulan lalu tidak boleh berjalan serta perlu bergantung kerusi roda untuk bergerak.

"Tidak dinafikan saya berhadapan tekanan dalam menguruskan suami sakit kerana pada masa sama perlu bekerja sebagai wartawan di Terengganu demi

kelangsungan hidup kami sekeluarga.

"Walaupun suami terlanjar sakit namun saya tiada pilihan dan terpaksa meninggalkannya seketika jika ada tugas di luar yang perlu dilaksanakan.

"Anak-anak yang pulang dari sekolah akan membantu menguruskan suami apabila dia (suami) tidak boleh bergerak kerana serangan gout," katanya.

Norhaspida berkata, Allah SWT menjadi tempat bergantung dan mengadu masalah bagi mengurang-

kan tekanan, selain menerima sokongan moral serta bantuan tidak yang putus daripada rakan-rakan.


"Bagi saya, sekuat mana pun ujian ini, ada orang yang lebih berat dugaan mereka.

"Saya agak bernasib baik kerana masih bekerja dan ada pendapatan, manakala suami mendapat bantuan bulanan daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

"Saya reda dan pasrah dengan ujian getir ini. Pada masa sama bersyukur kerana Allah SWT mengurniakan syurga depan mata (suami) untuk dijaga hingga akhir hayat," katanya.

Katanya lagi, dia sentiasa berdoa supaya dikurniakan kesihatan yang baik berterusan supaya dapat terus menjaga suami.

"Saya bertubuh kecil dan kudrat terhad untuk mengangkat suami serta kerusi roda masuk ke dalam kereta yang ada kalanya memberi kesan kepada pinggang yang membuatkan selalu sakit," katanya.



TAJUK : WANITA 'CURANG' ANTARA 644 MANGSA LOVE SCAM

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 05 NOV 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Wanita 'curang' antara 644 mangsa Love Scam

Kuala Lumpur: Wanita berstatus isteri orang dan wanita 'curang' adalah antara 644 mangsa dalam kes penipuan *Love Scam* dalam talian direkodkan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, sepanjang 10 bulan pertama tahun ini.

Secara keseluruhan seramai 810 mangsa termasuk 166 individu lelaki direkodkan menjadi mangsa penipuan cinta dalam talian.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, daripada jumlah 644 orang mangsa wanita, 307 da-

ripada mereka adalah berusia antara 31 hingga 50 tahun yang secara lazimnya adalah sudah berkahwin.

"Kita tidak menolak kemungkinan terdapat isteri-isteri yang membelakangi suami dan melayan cinta alam maya menerusi media sosial.

"Wanita-wanita terbabit sudah berkahwin dan diperdaya melalui aplikasi Facebook, WeChat, Tinder, WhatsApp, Instagram dan sebagainya. Mereka menjadi mangsa kepada penipuan *Love Scam*.

"Ingin saya nasihatkan kepada wanita-wanita ini untuk menghentikan per-



Kita tidak menolak kemungkinan terdapat isteri-isteri yang membelakangi suami dan melayan cinta alam maya menerusi media sosial"

Ramli

buatan itu bagi mengelak menjadi mangsa penipuan sehingga mengalami kerugian wang akibat ditipu individu yang kononnya menyintai dan menyayangi mereka secara

maya," katanya di Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, di sini, semalam.

Ramli berkata, wanita-wanita yang berstatus isteri ini juga disarankan untuk mencari penyelesaian terbaik dalam apa juga masalah dihadapi.


"Ada situasi di mana wanita berstatus isteri orang ini meminta pihak kami supaya merahsiakan kes mereka daripada pengetahuan suami masing-masing ketika membuat laporan polis.

"Ini menyebabkan pihak polis mempunyai dua kerja, satu kerja menyiasat kes penipuan love scam mereka dan satu lagi ada-

lah memastikan kes itu tidak diketahui suami mereka," katanya berseloroh.

Beliau berkata pihak polis tidak dapat menghalang wanita berstatus isteri dan suri rumah menjadi mangsa penipuan love scam namun meminta mereka lebih berhati-hati ketika melayan sebarang permintaan daripada kenalan yang meragukan dalam media sosial.

"Jadilah seorang pengguna laman sosial yang bijak dan tidak mudah terperdaya dengan pelbagai helah dan taktik penipuan yang menggunakan kasih sayang, cinta dan belas ihsan," katanya.



TAJUK : 'STRONG FAMILY VALUES CAN PREVENT GRAFT'

HARI : AHAD

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

TARIKH : 05 NOV 2023

M/SURAT : 04

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim (seated, second from right) talking to participants at the launch of the November National Family Month in Dataran Putrajaya yesterday. On his right is his wife, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail. PIC BY AIZUDDIN SAAD

'Strong family values can prevent graft'

PUTRAJAYA: Corruption and misappropriation are early signs that a country will collapse, said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

